

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



SEPTEMBER 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Norafiqah binti Haji Murni

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

NBD galak kerjasama sektor media dan penerangan	5-6
Ketahui adat istiadat negara	7
Program Masyarakat Bermaklumat beri impak positif	8-9
Perkampungan Sivik kukuhkan jati diri kebruneian	10-11
Para graduan perlu proaktif mencari pekerjaan	12
Peserta Program Perkampungan Sivik serta Tazkirah Keagamaan	13
Peserta Program Perkampungan Sivik lakukan aktiviti amal	14
Terap kesedaran sivik dalam diri pelajar	15
Program Perkampungan Sivik	16-17
Tertarik dengan kejayaan usahawan ternakan ayam	18
Program RRP dekati pelajar peka perkembangan semasa	19
Kibar bendera ikut waktu tertentu	20
Awasi media sosial anak-anak	21
Program Brunei – China Public Diplomacy Group On Economic Exchanges And Cooperation 1 – 9 September 2016	22
Pertanian, Agrimakanan sumbang pertumbuhan KDNK	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus/bengkel/program pada bulan Ogos 2016	23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

NBD galak kerjasama sektor media dan penerangan

Oleh: Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama delegasi negara-negara ASEAN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 September - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa telah mengelolakan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab mengenai Penerangan, Media dan Latihan (SOMRI Working Group Meeting on Information, Media and Training) Kedua yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad juga selaku Pengurus Mesyuarat Kumpulan Kerja SOMRI mengenai Penerangan, Media dan Latihan dalam ucapan alu-aluananya menjelaskan, mesyuarat antara lain bertujuan untuk membincangkan dengan lebih lanjut dan mendalam tentang kesinambungan dari mesyuarat yang lalu yang telah diadakan di Hanoi, Viet Nam pada tahun 2015.

Negara Brunei Darussalam terangnya, akan memberikan sokongannya dalam menggalakkan kerjasama dalam sektor media dan penerangan, bagi sama-sama berusaha membantu membina identiti ASEAN. Yang paling penting tekan beliau lagi ialah memberikan tumpuan perbincangan kepada isu-isu yang belum selesai berhubung dengan SOMRI WG dan juga program-program yang telah dirancang di bawah kerjasama dengan Rakan Dialog dan rakan kongsi ASEAN Campur Tiga yang masih belum dilaksanakan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Oleh itu, beliau berharap menerusi mesyuarat berkenaan akan dapat membincangkan lebih banyak bidang-bidang berkepentingan yang lain termasuklah polisi pilihan dalam bidang penyiaran, media cetak/kewartawan dan media baharu; Pembinaan kapasiti bagi kakitangan media; Pendidikan awam mengenai penggunaan media baharu untuk mempromosi ASEAN juga termasuk Mempromosi Media Literasi.

Jelas Pemangku Pengarah Penerangan lagi, pada tahun hadapan, ASEAN akan turut menyambut ulang tahunnya Ke-50, dari itu mesyuarat tersebut juga akan membincangkan mengenai perancangan sektor penerangan bagi meraikan Sambutan ASEAN Ke-50, di samping turut meningkatkan kesedaran ASEAN terutamanya dalam kalangan golongan muda.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama delegasi dari negara-negara ASEAN semasa Majlis Pembukaan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab mengenai Penerangan (SOMRI Working Group Meeting on Information, Media and Training) Ke-2.

Mesyuarat Kumpulan Kerja SOMRI WG-IMT Ke-2 yang mula bersidang pagi tadi di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong juga antara lain akan membincangkan mengenai tindakan-tindakan dan inisiatif yang telah diambil dalam bidang-bidang keutamaan kumpulan kerja, projek-projek bersama rakan-rakan dialog dan pertubuhan antarabangsa serta pelaksanaan dan pemerhatian terhadap ASEAN Strategic Plan for Information and Media 2016-2025.

Dalam temu bual ringkas bersama Pelita Brunei, Ketua Delegasi Radio Televisyen Malaysia, Awang Abdul Muis bin Shefii menjelaskan, secara umumnya mesyuarat kumpulan kerja itu akan turut membincangkan tentang kerjasama dalam kalangan negara-negara ASEAN mengenai ‘media content’ dan salah satu daripada perkara baharu yang akan dibincangkan ialah media literasi dalam kalangan warga ASEAN yang perlu dibincangkan dan diambil maklum.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh para delegasi dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Viet Nam dan Sekretariat ASEAN.



KETUA Delegasi Radio Televisyen Malaysia,
Awang Abdul Muis bin Shefii.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama ketua delegasi negara-negara ASEAN.

Ketahui adat istiadat negara

Berita dan Foto : Noraishah Muhammed



PENGERUSI Persatuan PERTIWI, Dayang Fatimah binti Tanji.

SERIA, Khamis, 15 September - Adat istiadat adalah kumpulan tata kelakuan yang paling tinggi kedudukannya kerana bersifat kekal dan terintegrasi sangat kuat terhadap masyarakat yang memilikinya, pengetahuan dan pemahaman mengenai Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat Kebruneian amat wajar diketahui oleh seseorang.

Perkara tersebut antara lain dijelaskan oleh Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin dalam taklimatnya pada Program Masyarakat Bermaklumat di Dewan Pejabat Daerah, Seria.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarangakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan antara lainnya taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan. Dengan harapan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Seramai 52 orang terdiri daripada penduduk Kampung Lorong 3 Selatan Seria telah menyertai program berkenaan. Antara taklimat lain yang disampaikan adalah Taktik Sindiket Pengedaran Dadah dari Biro Kawalan Narkotik dan Akta Pendidikan Wajib dari Kementerian Pendidikan.



AWANG Suhaimi bin Othman, 61 tahun, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru Maktab Anthony Abell, Seria

Awang Suhaimi bin Othman, 61, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru Maktab Anthony Abell, Seria yang antara lain menjelaskan, program yang membudayakan masyarakat bermaklumat itu dapat menambah ilmu pengetahuan dan dapat meningkatkan keyakinan diri.

Sementara itu Pengurus Persatuan PERTIWI, Dayang Fatimah binti Tanji berpendapat program anjuran Jabatan Penerangan yang berkONSEP mesra serta dekat ketika mendengar dan berinteraksi itu adalah sangat bermanfaat. Beliau juga berpendapat agar program seumpama itu dapat dilaratkan bagi kumpulan persatuan dan badan-badan yang terlibat dengan hal ehwal kemasyarakatan. Turut hadir, Ketua Kampung Lorong 3 Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program Masyarakat Bermaklumat beri impak positif

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 September- Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan telah dapat memberikan impak yang positif kepada para peserta yang menyertainya.

Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim ketika ditemui Pelita Brunei pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil PMB yang berlangsung di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei menjelaskan, program tersebut juga dapat memberikan ‘input’ yang kemudian akan dibawakan kepada anak-anak buah kampung yang lain.

Program tersebut tambahnya, sedikit sebanyak akan dapat memberikan pendedahan kepada penduduk kampung khususnya Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong Tiga Selatan Seria.



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat menyampaikan sijil kepada Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Menerusi lawatan itu ujarnya, mereka dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman yang akan dapat dikongsikan bersama ahli MPK yang lainnya.

Terdahulu, rombongan seramai 45 orang itu telah dibawa melawat ke Bangunan Darul Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan berpeluang melawat ke galeri-galeri pameran serta mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei untuk menyaksikan lebih dekat lagi pembuatan kesenian dan pertukangan tangan Brunei.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bergambar ramai semasa lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat menyaksikan produk yang terdapat di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei (kiri, kanan).



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat semasa bergambar ramai di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.



PARA peserta mendengarkan penerangan semasa lawatan di Jabatan Mufti Kerajaan.

Sejurus lawatan, acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Timbalan Penggerusi Jawatankuasa PMB.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan antara lainnya taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

Melalui program ini ia diharap akan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat untuk terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Perkampungan Sivik kukuhkan jati diri kebruneiian

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Arifin Mohd. Noor



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam.



TAKLIMAT ringkas mengenai Perkampungan Sivik yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Program, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 September - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu platform ke arah pembentukan para peserta yang terdiri daripada lepasan ijazah yang mampu berdaya saing dan inovatif, sekaligus meningkatkan kemahiran diri serta potensi dalam sama-sama merealisasikan Wawasan 2035. Hari pertama Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam telah dijalankan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Program Perkampungan Sivik anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri disertai oleh 14 mahasiswa dan mahasiswi lepasan ijazah dari dalam juga luar negara dan diadakan selama enam hari lima malam, di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun. Para peserta akan berpeluang untuk mengikuti pelbagai bentuk sesi perkampungan termasuk taklimat dan sesi dialog dari segi aspek keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, keselamatan, kebudayaan dan keusahawanan bersama para penceramah yang didatangkan dari pelbagai agensi yang terpilih. Program berkenaan ditambah nilai lagi dengan aktiviti kerja berpasukan yang boleh menguji ketahanan mental dan fizikal serta aktiviti bersukan atau beriadah yang mana akan memantapkan lagi tahap kesihatan dan kecerdasan fizikal. Aktiviti keagamaan juga diterapkan pada program berkenaan sebagai santapan rohani, di samping berpeluang untuk mengikuti lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan menyaksikan penghasilan produk tempatan yang berjaya untuk dijadikan sebagai contoh dan sumber inspirasi.

Acara diteruskan dengan taklimat ringkas mengenai Perkampungan Sivik yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Program, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Sesi suai kenal di antara jawatankuasa dan peserta Perkampungan Sivik kemudian diadakan sebelum para peserta bertolak ke Dewan Kompleks Sungai Kebun. Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara serta kerajaan juga memupuk dan menanam semangat kenegaraan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Di samping itu, ia juga memberikan ruang untuk memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang serta meneroka peluang-peluang keusahawanan yang patut bagi mengurangkan kebergantungan pada kerajaan dari segi pekerjaan.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama-sama para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam ketika menyanyikan lagu kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan lagu patriotik Bendera Negara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kanan) semasa berinteraksi bersama para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam (atas, bawah).



Para graduan perlu proaktif mencari pekerjaan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September - Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) berfungsi untuk menyelaras dan memudah cara proses memadankan pencari kerja dan majikan yang berpotensi. Selain itu, APTK juga melaksanakan latihan dan kursus-kursus bagi pencari kerja tempatan selain menawarkan bimbingan kerjaya dan kaunseling serta pengendalian kebijakan pencari kerja tempatan dan pekerja tempatan.

Demikian dijelaskan oleh Penolong Pesuruhjaya Buruh APTK, Dayang Siti Norliyana binti Haji Mat Salleh semasa menyampaikan taklimatnya kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

APTK telah melancarkan satu sistem pengambilan pekerja secara atas talian yang boleh diakses di mana juga pada bila-bila masa, digelar Sistem Electronic Labour Exchange (ELX) yang boleh dilayari melalui laman sesawang www.jobcentrebrunei.gov.bn. Melalui sistem ini tambahnya, para pencari kerja tempatan dapat mencari dan memohon kerja-kerja kosong mengikut kriteria secara atas talian dan mengemaskini permohonan.

Menurutnya, para pencari kerja yang berdaftar ini bukan saja mereka yang berkelulusan rendah malah termasuk juga mereka yang mempunyai ijazah sarjana. Dalam hubungan ini tambahnya, mereka perlu lebih proaktif dalam mencari pekerjaan dan kita mahu graduan ini untuk menjadi lebih terbuka dan menerima peluang untuk bekerja dengan sektor swasta, tidak hanya menunggu kekosongan jawatan di sektor kerajaan sahaja.



PENOLONG Pesuruhjaya Buruh APTK, Dayang Siti Norliyana binti Haji Mat Salleh.



KAUNSELOR Perniagaan Kanan, LiveWire Brunei, Awang Mohd Fadhilullah Tudun bin Haji Hassan semasa menyampaikan taklimat.



SESI taklimat mengenai APTK kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Melalui sistem ELX dapat dilihat bahawa terdapat lebih 10,000 pekerjaan ditawarkan dalam sektor swasta. Syarikat-syarikat di sektor swasta juga dapat memuat naik iklan-iklan tawaran kerja mereka dan sekaligus mempromosi mengenai syarikat masing-masing.

Sejak sistem ini dilancarkan, mereka telah menerima respon yang cukup menggalakkan daripada majikan-majikan di sektor swasta.

Sementara itu, Kaunselor Perniagaan Kanan, LiveWire Brunei, Awang Mohd. Fadhilullah Tudun bin Haji Hassan dalam taklimatnya pula antara lain menyatakan LiveWire di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan sejak 1 Mei 2001, sebagai respon kepada Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) untuk menyokong infrastruktur bagi pembangunan perusahaan sebagai pembangunan ekonomi jangka panjang yang berdaya tahan.

Program-program yang ditawarkan oleh LiveWire Brunei jelasnya adalah direka khusus bagi penduduk di negara ini di mana bengkel-bengkel dan programnya adalah dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini.



SEBAHAGIAN daripada para peserta yang mengikuti Program Perkampungan Sivik.

Peserta Program Perkampungan Sivik sertai Tazkirah Keagamaan

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



TAZKIRAH Keagamaan disampaikan oleh Guru Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), Pengiran Haji Md. Norhadi bin Pengiran Haji Bungsu.

MUKIM LUMAPAS, Isnin, 26 September - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan menghadiri Tazkirah Keagamaan di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Tazkirah Keagamaan itu disampaikan oleh Guru Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), Pengiran Haji Md. Norhadi bin Pengiran Haji Bungsu. Beliau menjelaskan, tajuk tazkirah ‘What’s Next?’ yang mengisarkan apakah langkah seterusnya yang patut para mahasiswa dan mahasiswi lakukan setelah tamat pegajian.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan menghadiri Tazkirah Keagamaan di Kompleks Sukan Sungai Kebun (atas, bawah).



“Ada yang memilih untuk berkahwin dan ada juga yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya. Jadi tazkirah yang disampaikan bertujuan untuk membantu membuka minda mereka agar membuat pilihan yang tepat untuk masa depan.”

Program tersebut disertai oleh 14 mahasiswa dan mahasiswi lepasan ijazah dari dalam juga luar negara dan diadakan selama enam hari lima malam.

Terdahulu acara dimulai dengan solat fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pengiran Haji Md. Norhadi.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara serta kerajaan juga memupuk dan menanam semangat kenegaraan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Peserta Program Perkampungan Sivik lakukan aktiviti amal

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PARA pegawai dari Jabatan Penerangan bersama peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Dayang Norayah di kediaman beliau.



PESERTA Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam semasa melakukan aktiviti amal bergotong-royong membersihkan rumah Dayang Norayah di Kampung Bengkurong.



DAYANG Norayah binti Matassan semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September - Seorang wanita warga emas dari Kampung Bengkurong, Dayang Norayah binti Matassan, 66, menerima kunjungan dari para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan.

Kunjungan tersebut merupakan aktiviti amal para peserta program di mana mereka meluangkan masa dengan mengerah tenaga dan bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran rumah warga emas tersebut bagi memastikan kesihatan penghuni lebih terjamin. Ini juga adalah sebagai salah satu langkah bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan agar menjaga kebersihan persekitaran rumah bagi mengelakkan penyakit bawaan nyamuk.

Majlis turut diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada warga emas tersebut berupa makanan asasi hasil sumbangan warga Jabatan Penerangan.

Di samping itu, para peserta program turut berpeluang belajar serba sedikit tentang cara-cara menganyam ketupat yang mana ia menambah minat mereka kepada aktiviti tradisi berkenaan. Dayang Norayah binti Matassan, yang juga seorang balu, hanya menerima pencen tua sebanyak BND250 sebulan dan pada masa ini tinggal berdua bersama anak bongsunya, Dayang Nurbazilah binti Bakir, 29 tahun.

Beliau berusaha gigih dalam mencari pendapatan tambahan dengan menjual kulit ketupat yang mana ia dapat menjadi contoh serta sumber inspirasi kepada para peserta dan belia untuk tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Menurutnya, beliau mula belajar menganyam ketupat ketika berdagang di tamu dan mengambil masa sehingga lebih setahun untuk memperolehi kemahiran tersebut. Beliau berkata, waktu yang paling banyak menerima tempahan adalah ketika bulan Ramadan.

Terap kesedaran sivik dalam diri pelajar

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 6 September- Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB) mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Perkumpulan SMSB.

Program tersebut merupakan program khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa. Objektif program berkenaan adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, di samping menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja dan menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Hadir selaku tetamu kehormat di acara tersebut ialah Ketua Kluster 5, Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman. Juga hadir, Pengetua, Timbalan-timbalan Pengetua, guru-guru serta kakitangan dan penuntut-penuntut SMSB. Taklimat Kenegaraan juga disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Bersama Majlis.



PERSEMBAHAN Lawak Jenaka oleh artis undangan.



PERSEMBAHAN Tarian Moden Kontemporari Sebarkan Ke Seantero Dunia daripada penuntut SMSB.

Terdahulu acara dimulakan dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan lagu patriotik Bendera Negara, yang diiringi oleh penuntut-penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan. Acara tersebut kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SMSB, Dayangku Hajah Norahizan binti Pengiran Haji Bungsu selaku Pengerusi Bersama Majlis. Sejurus selepas itu disusuli dengan persembahan lakonan Jong Batu dan nyanyian Juara Bintang Penerangan 2016 dan lawak jenaka serta Kuiz Kenegaraan yang disampaikan oleh pelawak undangan tanah air.



BERGAMBAR ramai bersama penuntut yang membuat persembahan.

Program Perkampungan Sivik

**25 SEPTEMBER 2016
MUKIM KASAT**


Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PARA Peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam ketika menyaksikan lebih dekat lagi pokok-pokok herba yang ada di taman berkenaan.



KETUA Kampung Putat, Awang Haji Jumat bin Akim semasa memberi taklimat sebelum para lepasan ijazah NBD yang mengikuti Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam dibawa melawat sekitar Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.



AWANG Muhammad Juwaidi bin Haji Jali.

DAYANG Siti Nur Hazwani binti Muheedin.

**26 SEPTEMBER 2016
MUKIM LUMAPAS**

Foto : Azmah Haji Ahad



ANTARA sebahagian aktiviti ‘Team Building’ Program Perkampungan Sivik (atas, bawah).



DAYANG Syaza Zahidah binti Saini, 27, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Brunei dari Universiti Brunei Darussalam.

AWANG Mohammad Syukri bin Metussin, 28, graduan jurusan ‘Master of Science in Halal Product Development’ dari Universiti Putra Malaysia.

Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu platform ke arah pembentukan para peserta yang terdiri daripada lepasan ijazah yang mampu berdaya saing dan inovatif, sekaligus meningkatkan kemahiran diri serta potensi dalam sama-sama merealisasikan Wawasan 2035. Selain itu, ia juga dapat mengukuhkan jati diri kebruneian dan mananamkan semangat patriotisme berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja di kalangan para peserta, di samping dapat menjadi wadah bagi menyalurkan maklumat rasmi yang terkini mengenai kerajaan dan negara.

**28 SEPTEMBER 2016
MUKIM LUMAPAS**

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Mohd. Ali



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam semasa mendengarkan taklimat (atas, bawah).



LEPASAN IJAZAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Anjuran

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



TAKLIMAT pada Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam di Kompleks Sukan Sungai Kebun yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Unit Ease of Doing Business, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulfadli bin Abu Bakar (kanan).

**28 SEPTEMBER 2016
BANDAR SERI BEGAWAN**

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan semasa lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara.



PEGAWAI Adat Istiadat, Awangku Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad semasa menyampaikan taklimat mengenai ‘Terasul dan Bahasa Pengganti Diri Bahasa Dalam’.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan semasa lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tertarik dengan kejayaan usahawan ternakan ayam

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PENGARAH Urusan RIZA Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.



PENGARAH Urusan Syarikat RIZA Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman ketika memberikan taklimat kepada para peserta Perkampungan Sivik.



PESERTA Program Perkampungan Sivik semasa membuat lawatan ke salah sebuah tapak perusahaan ternakan ayam milik Syarikat RIZA Group di Kampung Bebatik Kulapis.

KULAPIS, Selasa, 27 September. - Peserta Program Perkampungan Sivik anjuran Jabatan Penerangan berkesempatan membuat lawatan ke tapak ternakan ayam, salah sebuah perusahaan di bawah Syarikat RIZA Group di Kampung Bebatik Kulapis.

Dalam siri lawatan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemubual usahawan yang berjaya iaitu Pengarah Urusan syarikat tersebut, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman yang menyatakan perusahaannya menggunakan sistem teknologi reban ternakan ayam secara tertutup.

Riza Faudhlan Farming yang merupakan salah satu perusahaan di bawah syarikatnya itu seterusnya berkata setiap unit reban itu direka bentuk bagi menampung kapasiti 20,000 hingga 23,000 ekor ayam. "Ayam-ayam ini akan ditimbang setiap minggu untuk mengetahui pertumbuhan berat badan ayam dan menukar jenis makanan dari *starter* kepada *grower* dalam umur 18 ke 24 hari," jelasnya lagi.

Siri lawatan tersebut merupakan antara program dalam memberikan peluang untuk melihat secara lebih dekat usahawan yang berjaya dalam bidang berkenaan.

Seramai 14 mahasiswa dan mahasiswi lepasan ijazah menyertai program itu dengan objektifnya dapat memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara serta kerajaan juga memupuk dan menanam semangat kenegaraan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Selain itu, ia juga memberikan ruang untuk memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang serta meneroka peluang-peluang keusahawanan yang patut bagi mengurangkan kebergantungan pada kerajaan dari segi pekerjaan.

Program RRP dekati pelajar peka perkembangan semasa

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar hadir selaku tetamu kehormat majlis.



PEMANGKU Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad semasa mengajukan soalan kepada salah seorang murid.

MUKIM KILANAS, Khamis, 8 September - Antara objektif Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa. Selain itu, program anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dihasrat untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Sehubungan itu, lebih 400 pelajar Tahun 7, 9 dan 10 Sekolah Menengah Sayyidina Hasan menghadiri Program RRP yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pemangku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad kemudian menyampaikan taklimat bertajuk ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’.

Program tersebut turut diserikan dengan persembahan nyanyian dari artis Jabatan Penerangan serta persembahan hadrah, tarian asli ‘Adai-Adai’ dan drama ‘Sungai Siamas’ dalam bahasa Inggeris yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Salah seorang guru sekolah tersebut, Dayang Hajah Aslinda binti Haji Aliakbar ketika ditemui Pelita Brunei berkata, Program RRP memberi manfaat kepada para pelajar dengan memberikan maklumat kepada mereka mengenai betapa pentingnya menjaga tata tertib ketika menyanyikan lagu kebangsaan dan tatacara menaik-kibarkan negara. Menurutnya, program tersebut juga mendedahkan mengenai fungsi Jabatan Penerangan kepada pihak sekolah termasuk para guru dan para pelajar.

Program seumpama ini dapat diterapkan ke dalam pembelajaran sekolah terutama subjek Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga ketika para pelajar menyertai acara Hari Kebangsaan di mana mereka dikehendaki untuk mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan.



GURU Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Dayang Hajah Aslinda binti Haji Aliakbar.



ANTARA persembahan tarian asli oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan (atas, bawah).



Kibar bendera ikut waktu tertentu

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 September-Bendera negara merupakan alat kebesaran negara yang semestinya dijaga dengan baik dan sempurna. Namun sebilangan masyarakat kita sekarang ada yang bersikap sambil lewa dan tidak peka tentang penjagaannya kerana membiarkan bendera itu berkibar pada waktu malam.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim ketika ditemui menjelaskan, bendera seharusnya dinaikkan bermula dari jam 7.45 pagi sehingga 5.00 petang. Semasa menyampaikan taklimat bertajuk ‘Menghormati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’, beliau seterusnya mengingatkan agar bendera tidak dibiarkan sekiranya bendera itu koyak dan warnanya sudah pudar.

Pada taklimat yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Kampung Sungai Kebun, Awang Haji Dayang juga menyatakan, ketinggian tiang bendera bagi orang awam adalah 20 kaki, manakala 30 kaki pula bagi mereka yang dikurniakan gelaran. Sementara pemasangan bendera yang condong perlu dipasang anggaran 45 darjah.

Awang Haji Dayang juga menyatakan, jika sekiranya bendera rosak seharusnya dibakar dan ditanam demi menghormati lambang panji-panji negara dan tulisan Arab yang ada pada bendera kita. Mengenai lagu kebangsaan pula, beliau menegaskan akan adab dan tatatertib yang perlu dipatuhi seperti berdiri dengan tegak sambil menyanyi sempurna dari hati kerana ia berbentuk satu doa.

Seramai 14 mahasiswa dan mahasiswi lepasan Ijazah hadir mendengarkan taklimat berkenaan. Taklimat tersebut merupakan salah satu Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan dan para peserta berkampung di kompleks itu selama enam hari lima malam.



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.



MAHASISWA dan mahasiswi yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mendengarkan taklimat.



ANTARA mahasiswa-mahasiswi yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (atas, bawah).



Awasi media sosial anak-anak

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



ASP. Muhammad Izzaldin bin Mohammad Osman dari Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Siasatan Jenayah semasa Taklimat Jenayah Siber bagi peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Seri Kerna, Bangunan Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI), Kampung Anggerek Desa.



SALAH seorang peserta program ketika mengajukan pertanyaan dalam taklimat tersebut.



ASP. Muhammad Izzaldin bin Mohammad Osman dari Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Siasatan Jenayah, dalam temu bual Pelita Brunei.



DAYANG Nurhanisah binti Haji Azmi ketika ditemu bual Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September- Para pengguna dalam talian mestilah mempunyai sikap bertanggungjawab dan perlu berhati-hati terutama dalam penggunaan dan perkara-perkara yang dikongsikan di dalam media-media sosial.

Perkara tersebut disarankan oleh ASP. Muhammad Izzaldin bin Mohammad Osman dari Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Jabatan Siasatan Jenayah, dalam temu bual Pelita Brunei semasa Taklimat Jenayah Siber bagi peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Seri Kerna, Bangunan Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI), Kampung Anggerek Desa.

Tambahnya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan penggunaan media sosial anak-anak mereka adalah terkawal agar mereka tidak terlibat dengan jenayah siber. Terdahulu itu, dalam sesi Taklimat Jenayah Siber, ASP. Muhammad Izzaldin, antara lain menjelaskan maksud jenayah siber dan jenis-jenis kesalahan jenayah siber yang dilakukan, iaitu ‘Cyber-enabled’ dan ‘Cyber-dependent’. Beliau juga menjelaskan mengenai hukuman-hukuman yang dikenakan kepada mereka yang terlibat dengan jenayah siber.

Dayang Nurhanisah, salah seorang peserta program berkenaan yang merupakan mahasiswi lepasan ijazah dari Universiti Brunei Darussalam menjelaskan, melalui taklimat tersebut beliau telah mempelajari cara-cara dan tips-tips untuk mengelakkan diri dari terlibat dalam jenayah siber. Menyentuh mengenai Program Perkampungan Sivik jelasnya, setiap taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan di bawah program ini sangat memberikan manfaat khususnya kepada lepasan ijazah yang masih lagi mencari pengalaman untuk pembangunan diri masing-masing. Beliau seterusnya menyarankan kepada mahasiswa dan mahasiswi khususnya mereka yang lepasan ijazah untuk menyertai serta mengikuti program tersebut bagi mempersiapkan diri untuk alam pekerjaan di masa akan datang.

Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri diadakan selama enam hari lima malam bertujuan untuk memberikan ruang dalam memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang serta meneroka peluang-peluang keusahawanan yang patut bagi mengurangkan kebergantungan pada kerajaan dari segi pekerjaan.

PROGRAM BRUNEI – CHINA PUBLIC DIPLOMACY GROUP ON ECONOMIC EXCHANGES AND COOPERATION 1 – 9 SEPTEMBER 2016

Berita dan Foto: Ali Termizzi bin Haji Ramli/Haji Ramli



Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Penerangan menyerahkan cenderamata kepada Mrs. Zhang Guanli, Vice President and Deputy Editor-in-Chief of APD.




Delegasi mengadakan mesyuarat bersama pegawai-pegawai kanan China Construction Cooperation (CCCC) China di ibu pejabatnya di Shanghai, China.

Program Brunei-China Public Diplomacy Group On Economic Exchanges And Cooperation berlangsung selama sembilan (9) hari bermula 1 hingga 9 September 2016.

Program ini adalah anjuran Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Program ini diadakan bagi Memperingati Penubuhan Ke-25 Tahun Hubungan Kerjasama Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China pada tahun ini.

Seramai tujuh orang delegasi daripada Negara Brunei Darussalam mengikuti program berkenaan iaitu terdiri daripada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku ketua delegasi; Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Haji Ramli, Pegawai Penerangan; Awang Mohd Ridzuan bin Mohd. Salleh, Penerbit dan Awang Abdul Hafiz bin Haji Garip, Penolong Kameraman ENG dari Jabatan Radio Televisyen Brunei; Dayang Siti Rokiah binti Abdullah, Pemberita Borneo Bulletin; Dayang Nur Izzati Afida binti Pehin Abd Jalil, Wartawan Brunei Times dan Awangku Muhammad Ridhwan bin Pengiran Haji Kamarulzaman, Jurugambar Brunei Times Serta seorang attaché dari Kedutaan Republik Rakyat China iaitu Awang Wu Zhonghao.

Dalam program yang disediakan, delegasi mengadakan lawatan-lawatan dan mesyuarat kerja dan juga mesyuarat bersama pegawai-pegawai kanan dari Ministry of Foreign Affairs of the People's Republic of China.



Delegasi mengadakan lawatan ke Huanqiu Contracting & Engineering Corporation (HQC).

Pertanian, Agrimakanan sumbang pertumbuhan KDNK

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Melayong ketika menyampaikan taklimat pada program tersebut.

Sementara itu, Juruteknik Ternakan, Awang Haji Rosman bin Haji Asmat dan Penolong Pegawai Pemeliharaan, Awang Haji Julaihi bin Haji Tamin masing-masing menyampaikan taklimat tentang industri ternakan. Taklimat berkenaan juga menyentuh mengenai teknologi dalam penteranagan, iaitu ternakan ayam dan ternakan ruminan, selain menerangkan contoh sistem pemeliharaan dalam kandang serta menjelaskan dalam bidang potensi di dalam peternakan.

Seterusnya Pegawai Pertanian, Dayang Hajah Saaimah binti Haji Abdi Manaf dalam taklimat juga menghuraikan tentang hasil tanaman, proses tanaman, pengeluaran hasil produk tanaman selain fungsinya. Selain itu, beliau menjelaskan tentang kehalalan produk dan mengetahui tentang kehasilan produk makanan dan bagaimana untuk memulakan perniagaan dengan memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Manakala Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Melayong dalam program tersebut turut mengongsikan taklimatnya mengenai negara Melayu Islam Beraja, selain menyentuh tentang organisasi yang diterajui dalam MTMIB.

MUKIMSUNGAIKEBUN, Selasa, 27 September-Pertanian dan Agrimakanan adalah sektor sumber-sumber utama dan pembuatan, yang mana telah menyumbang pada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kepelbagaiannya ekonomi.

Jurueko Pertanian, Awang Sheikh Mohamad Radzi bin Dato Paduka Haji Sheikh Adnan berkata demikian pada Taklimat Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam di Kompleks Sukan Sungai Kebun. Melalui cadangan pelan strategik itu menurutnya, pengeluaran pertanian dijangka akan meningkat dengan cepat, yang mana industri ternakan dan tanaman akan menjadi penyumbang utama. Dari itu, usaha untuk memajukan lagi sektor pertanian terutama dalam pengeluaran ternakan dan tanaman, maka Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menggalakkan penglibatan FDI bagi meningkatkan akses ke pasaran eksport.




PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam ketika mendengarkan taklimat (atas, bawah).

Peserta program tersebut, Dayang Nur Amalia binti Haji Alidi dari International Graduate Studies (IGS) ketika ditemubual PELITA BRUNEI menyatakan program tersebut banyak memberikan informasi, di samping memberi manfaat kepada semua lepasan ijazah. Jelasnya, program itu dapat menambah lagi ilmu pengetahuan juga akan dikongsikan kepada teman-teman yang lainnya.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus/ bengkel pada bulan ini

NAMA	NAMA KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Membuat Keputusan Menggunakan Hamparan (MS Excel)	05 - 08 September 2016
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi	Kursus Basic Internal Auditing Ke-2	13-15 September 2016
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim	Kursus Basic Internal Auditing Ke-2	13-15 September 2016
Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli/ Haji Ramli	Kursus Basic Internal Auditing Ke-2	13-15 September 2016
Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan	Kursus Basic Internal Auditing Ke-2	13-15 September 2016



Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**